

UMS Link sedia kursus kepada kakitangan kerajaan dan swasta

13 29.11.2014 1213

LABUAN : UMS Link menyediakan 12 kursus untuk disertai pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan dan swasta di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengurus Besar Kumpulan (Group General Manager) UMS Link, Ramlan Ag Ali berkata, pelbagai program dan kursus disediakan untuk pegawai dan kakitangan awam dan swasta di wilayah ini.

Antaranya pengurusan sumber manusia, teknologi maklumat, pengurusan kawangan, team building dan profesional serta teknikal.

“ UMS Link menyediakan pelbagai kursus untuk disertai pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan serta swasta di Wilayah Persekutuan Labuan bermula tahun hadapan, “ katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya



MURNIZAM (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Ramlan diperhatikan Yusak (kanan) yang mengadakan kunjungan hormat di Pejabat Pengarah UMS Labuan, kelmarin.

Dr Murnizam Haji Halik di pejabatnya di Aras 13, Bangunan Menara, kelmarin.

Ramlan yang diiringi Senior Group Manager, Yusak Yumboris @ Mesek berkata, kursus tersebut boleh diadakan sama ada di pejabat jabatan kerajaan dan swasta berkenaan mahupun di UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Sehubungan itu beliau berkata, pihaknya akan menyediakan penceramah UMS yang berkemahiran dan berpengalaman untuk mengendalikan kursus berkenaan.

“ UMS Link sedia menjalin kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan serta sektor swasta di Wilayah Persekutuan Labuan, “ katanya.